

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 4, Issue 6, October 2019

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocialsciences.com

Teori Darwinisme Sosial: Suatu Pendekatan Barat dalam mentamadunkan Penduduk di Borneo Utara Menerusi Perspektif Sejarah

Noorazmil Bin Noorta[1], Maureen De Silva[1]
[1]Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Correspondence: Noorazmil Bin Noorta (ma1711143t@student.ums.edu.my)

Abstrak

Darwinisme sosial merupakan sebuah teori yang diagungkan oleh kuasa Barat bagi mewujudkan jurang perbezaan manusia dalam pelbagai aspek dengan mengangkat status mereka sebagai bangsa 'superior', manakala bangsa kulit hitam dan berwarna pula dikategorikan sebagai 'inferior' atau "lesser breed'' pada abad ke-19. Justeru kajian ini akan memberi tumpuan kepada analisis bagaimana kuasa barat cuba untuk mengimplementasikan teori ini kepada penduduk di Borneo Utara dengan menggunakan dan menerapkan sistem sosial serta budaya mereka sebagai acuan bagi membentuk masyarakat yang mempunyai ketamadunan moden seperti yang mereka percayai bahawa itu merupakan tanggungjawab mereka menerusi slogan "white man burden". Bagi mencapai objektif ini, kaedah kajian secara kualitatif telah digunakan dengan merujuk kepada sumber primer dan sekunder sebagai sumber utama. Sumber-sumber tersebut merupakan bahan yang dapat diakses di Arkib Negeri dan perpustakaan, serta terdiri daripada buku dan artikel yang terdapat dalam jurnal. Selain itu, sumber daripada laman sesawang yang releven juga digunakan bagi mengukuhkan hujah dan perbincangannya. Dapatan utama kajian ini mendapati bahawa penjajahan kuasa barat khususnya British dalam menguasai Borneo Utara bukan hanya bermatlamatkan pengeksploitasian ekonomi sahaja, namun mereka juga bertujuan untuk mengubah kehidupan tradisional penduduk tempatan memandangkan mereka beranggapan bahawa itu adalah suatu tanggungjawab yang mereka pikul dalam mendidik bangsa yang lebih rendah dari mereka, banyak berkait rapat dengan status dan maruah mereka sebagai kuasa imperialis yang mempromosikan ketamadunan. Maka, demi mencapai matlamat tersebut, pelbagai transformasi dan perubahan yang telah dilakukan oleh British dalam pelbagai aspek bagi mengubah taraf hidup penduduk tempatan khususnya dalam aspek ekonomi, politik dan sosial. Oleh itu, penulis akan membincangkan secara lebih mendalam mengenai justifikasi teori tersebut, serta dengan lebih lanjut bagi membincangkan apakah aspek dan pendekatan yang digunakan oleh Barat dalam mentamadunkan penduduk di Borneo Utara seperti apa yang mereka percayai menurut Darwinisme Sosial.

Kata kunci: Darwinisme sosial, kuasa barat, Borneo Utara, ketamadunan moden

Social Darwinism Theory: A Western Approach to Civilizing the People of North Borneo from the Historical Perspective

Abstract

Social Darwinism was a theory espoused by Western powers during the 19th century to create a gap in the human race in many aspects, by elevating them to a superior race, while black and colored people were categorized as' inferior 'or' lesser breed ". This study strives to analyze how western powers

applied this theory to the people of North Borneo, by imposing their social and cultural systems on the local population to create a modern civilized society as what they perceived was their responsibility under the banner of the "White Man's Burden". To achieve this objective, qualitative research methods are used with reference to primary and secondary sources., particularly colonial documents, newspapers, minutes of meeting, parliamentary papers and so forth. These resources are easily accessible at the archives and libraries, and online. The main findings of the study reveal that the colonialization of Western powers, particularly British in North Borneo, was not only driven by economic exploitation per se, but also aimed at changing the traditional life of the locals. The British perceived this as their civilizing mission and responsibility to educate races that were inferior to them, thereby upholding their status and dignity as an imperialist power that promoted civilization. To achieve this goal, various efforts and transformations were made by the British to "civilize" and "improve" the standard of living of the locals, especially in the economic, political and social aspects. Hence, the paper further discusses the justification of the theory, as well as the methods and approaches used by the West in civilizing the people of North Borneo as what they believed in Social Darwinism.

Keywords: Social Darwinism, western powers, North Borneo, modern civilization

---

Pengenalan

Borneo Utara sebelum kedatangan kuasa Barat adalah mundur dalam pelbagai aspek serta tidak memperlihatkan sebarang bentuk ataupun ciri-ciri ketamadunan yang kukuh. Kuasa Barat melihat kawasan Borneo Utara ini sebagai suatu peluang bagi mereka memanfaatkan sumber ekonomi yang wujud di wilayah ini. Disamping itu, mereka juga cuba untuk menukarkan kepercayaan dan kefahaman penduduk tempatan menerusi penyebaran ideologi pemikiran serta menerapkan budaya hidup mereka untuk menukarkan cara hidup tradisional penduduk tempatan di wilayah itu. Ketika itu, British sebagai salah satu kuasa imperialis dunia yang memiliki tahap pencapaian ketamadunan manusia moden berusaha untuk meluaskan tanah jajahannya. Ketika Borneo Utara masih lagi belum dikuasai oleh kuasa barat selain British, wilayah itu mempunyai potensi yang sangat besar sehinggakan beberapa kuasa Barat yang lain seperti Amerika Syarikat dan Sepanyol berminat untuk menguasainya.

Namun, atas faktor kewujudan *British North Borneo Company* yang ditubuhkan oleh Gustavus Baron Von Overbeck dengan kerjasama menerusi Alfred Dent, Borneo Utara secara perlahan-lahan dikuasai oleh British yang bermotifkan pengumpulan kekayaan, wilayah jajahan dan juga pembaharuan dalam pelbagai aspek yang kemudiannya mempengaruhi mentaliti penduduk tempatan. British dalam usahanya untuk membangunkan Borneo Utara sebagai sebuah kawasan yang bertamadun juga mempengaruhi penduduk tempatan agar segala bentuk pembaharuan yang dilakukan juga hendaklah dituruti oleh mereka agar mendapat tempat di mata British. Fenomena ini bukanlah berlaku secara semula jadi kerana secara jelas British telah memperlihatkan segala usahanya untuk mengubah wilayah ini berserta dengan penduduknya untuk menikmati ketamadunan. Ramai sejarawan cuba untuk mempersoalkan bahawa British tidak mempunyai apa-apa kepentingan untuk memajukan Borneo Utara dan membela penduduknya melainkan dari menikmati segala sumber kekayaan dan hasil bumi wilayah tersebut.

Walau bagaimanapun, adakah wajar pembangunan, peningkatan taraf hidup penduduk dan pencapaian berbentuk permodenan yang dinikmati oleh Borneo Utara kini bukannya berasal dari usaha-usaha yang dilakukan oleh British? Apakah yang menjadi faktor kepada usaha British dalam memajukan Borneo Utara selain dari mengaut keuntungan dan pendekatan apakah yang digunakan bagi menilai fenomena ini? Jelasnya jika dilihat menerusi perspektif sejarah, segala bentuk peristiwa atau situasi yang berlaku adalah mempunyai sebab dan musababnya yang tersendiri. Jika dilihat secara terperinci, motif penjajahan kuasa-kuasa barat pada abad ke-20 mempunyai kesinambungan yang sangat berkait rapat dengan teori Darwinisme Sosial. Kewujudan teori ini pada waktu tersebut mencetuskan satu fenomena berbentuk persaingan yang memperjuangkan istilah "*Survival of the fittest"*. Mereka khususnya kuasa Barat yang menguasai ilmu, ketamadunan, kemodenan, kekayaan dan teknologi persenjataan yang lebih canggih adalah mempunyai hak dalam menentukan gaya hidup atau nasib bangsa/ras selain dari

keturunan mereka. Teori ini telah dipopularkan oleh Barat itu sendiri bagi mendukung usaha mereka untuk berlumba-lumba menguasai dunia dengan memberikan alasan bahawa tugas itu adalah tanggungjawab yang harus dipikul dan dilaksanakan oleh mereka dalam mentamadunkan manusia selain dari ras mereka menerusi slogan "*white man burden",* disamping mengangkat ketuanan mereka menerusi perjuangan spesis manusia yang paling unggul iaitu "*white supremacist"*. Maka, kajian ini akan menghuraikan mengenai bagaimana usaha British menerusi sejarahnya dalam mentamadunkan Borneo Utara adalah mempunyai perkaitan dengan teori Darwinisme Sosial.

Sorotan Literatur

Pengkajian yang menggunakan pendekatan sejarah mengenai teori Darwinisme Sosial dan penguasaan kuasa barat ke atas Borneo Utara sememangnya sudah wujud dan umumnya para pengkaji yang terdahulu telah menggunakan kedua-dua sumber primer dan sekunder dalam mengukuhkan hasil dapatan mereka berkaitan dengan kedua-dua subjek yang ingin dikaji menerusi penulisan ini. Oleh itu, kelebihan kajian yang sedang dilakukan adalah untuk melihat bagaimana wujudnya titik kesinambungan diantara kedua-dua subjek dalam menentukan bagaimana darwinisme sosial digunakan sebagai satu bentuk pendekatan untuk melakukan penjajahan, serta bagaimana teori ini mempengaruhi kuasa Barat untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dalam mendidik dan mentamadunkan bangsa lain seperti yang berlaku di Borneo Utara. Walaupun telah terdapat banyak sumber yang menulis mengenai kedua-dua subjek tersebut, namun satu penulisan berbentuk histografi secara lebih terperinci mengenai tajuk kajian ini masih belum dihuraikan oleh pengkaji yang sebelumnya.

Pelbagai kajian yang menyentuh mengenai definisi darwinisme sosial telah diteliti bagi mendapatkan gambaran yang lebih luas mengenai pendefinisan yang sesuai untuk memahami teori ini secara lebih mendalam. Mogilski (2016) menyatakan bahawa teori ini menerapan konsep biologi Darwin dan prinsip-prinsip evolusi kepada teori sosial manusia, iaitu menerapkan konsep dari teori evolusi Darwin melalui seleksi alam kepada teori sosial, sistem politik, ekonomi, serta bidang kemanusiaan yang lain. Nollet (2012) mendukung pendapat yang sama dengan menjelaskan bahawa konsep teori ini yang telah berkembang pada abad ke-19 secara meluasnya telah mencengkam proses evolusi sosial manusia yang bergantung kepada pengoperasian undang-undang seleksi alam menjadi satu bentuk variasi yang menguntungkan. Kedua-dua tokoh ini menekankan bahawa umumnya, teori ini mengambil asas daripada konsep biologi untuk dikembangkan dalam sistem sosial manusia yang bertujuan untuk memanfaatkan situasi agar sentiasa berada di pihak mereka yang menjadikan mereka semakin berkuasa ke atas bangsa lain.

Claeys (2000) dan Rogers (1972) cuba untuk melihat konsep ini menerusi pendekatan yang sedikit berbeza iaitu mereka cuba untuk menolak logik dan hubung kait sains dalam pembentukan struktur sosial manusia seperti apa yang telah ditekankan dalam teori darwinisme sosial ini. Claeys mendakwa bahawa banyak teori sosial dan politik yang mendesak Darwin untuk mempertimbangkan semula fungsi struktur sosial berteraskan *survival of the fittest* adalah muncul pertama secara semula jadi dan kemudiannya bermutasi menjadi konsep sosial. Manakala Rogers pula sering menekankan kekeliruan konsep yang sering berlaku dalam kalangan ahli akademik. Beliau menyatakan bahawa Darwinism dan Darwinisme Sosial adalah membawa dua konsep yang berbeza, iaitu Darwinism secara khususnya adalah membincangkan mengenai konsep sains-biologi dalam persekitaran manusia manakala Darwinisme sosial pula adalah satu konsep yang membincangkan mengenai perubahan dalam teori sosial dan kemanusiaan yang bertujuan untuk mewujudkan perbezaan dalam ras-ras manusia untuk menjaga kepentingan mereka.

Jika dilihat menerusi prinsip dan ciri-ciri yang mendukung teori darwinisme sosial dalam memberi kesan yang sangat signifikan kepada pembangunan institusi sosial, Weikart (1993), Halsall (2003), Paquette (2007), Gough (2008) dan *Constitutional Rights Foundation* (2003) mendakwa bahawa darwinisme sosial membawa prinsip perubahan dan kemajuan dalam aspek sosial dan kemasyarakatan, bertujuan untuk mengubah struktur sosial manusia yang sedia ada lebih kepada bentuk persaingan yang ditentukan oleh seleksi alam. Penulis ini cenderung untuk menekankan pembawaan hujah Herbert Spenser iaitu ciri-ciri yang dimiliki oleh darwinisme sosial seperti persaingan, keunggulan, kekuatan,

kelebihan, kemajuan, keinginan dan superioriti akan memanipulasikan kebolehan bangsa manusia untuk menduduki status tertinggi, bergantung kepada bagaimana seleksi alam itu memihak kepada mereka sama ada dari segi sumber, genetik, tahap teknologi, ilmu serta perubahan persekitaran kawasannya. Tema ini dilihat sebagai satu komponen yang penting bagi kajian ini terutamanya dalam menjelaskan bagaimana kerajaan pemerintah dalam kalangan kuasa-kuasa barat mampu untuk menerima teori ini sedangkan umumnya, ianya adalah bertentangan dengan aliran kreationist.

Manakala, kajian ini juga akan meneliti impak yang berlaku secara globalisasi yang disebabkan oleh Darwinisme Sosial. Setelah teori ini meledak di Eropah pada penghujung abad ke-19, kuasa-kuasa Barat mula mewujudkan satu medan persaingan di antara mereka, bertujuan untuk memonopoli kekuasaan ekonomi dunia dan mengangkat status mereka sebagai tonggak kepada kewujudan ras manusia yang paling unggul berbanding dengan ras manusia yang lainnya. Seperti yang dihujahkan oleh Dennis (1995), Bowler (1992), Wilson (2016), Paul (2006), Mills (2003), Ooi (2003) dan Leonard (2009), wujudnya fenomena perlumbaan diantara kuasa-kuasa Barat untuk melakukan penjajahan yang didorong oleh darwinisme sosial. Penerimaan Barat dalam memperjuangkan *Survival of the fittest* sekaligus menyokong darwinisme sosial untuk kepentingan mereka telah memberi impak kepada kuasa Barat untuk melakukan imperialisme, kolonialisme, memperjuangkan sistem ekonomi kapitalis, mempromosikan ketamadunan, mengangkat slogan *white man burden,* memanipulasi dan mengekploitasi kepentingan negara lain, memperkenalkan liberalisasi, demokrasi dan sekularsime, hak asasi manusia, rasisme serta pengubahsuaian genetik manusia untuk mewujudkan bangsa terunggul di dunia. Kesan daripada kewujudan impak-impak ini telah membawa kepada pelbagai arus perubahan sama ada dalam bentuk positif ataupun negatif ke atas setiap tanah jajahan yang dikuasai oleh Barat.

Manakala bagi sumber yang menyentuh mengenai Borneo Utara pula, umumnya sumber primer digunakan bagi mengukuhkan dapatan kajian. Namun, terdapat beberapa sumber sekunder yang digunakan bagi menguatkan lagi hujah penulis dalam kajian ini. Maka beberapa kajian mengenai Borneo Utara yang digunakan adalah ditumpukan kepada usaha-usaha British dalam mentadbir dan mentamadunkan wilayah ini menerusi tiga aspek utama iaitu politik, ekonomi dan sosial. Oleh itu, kajian yang ditulis oleh Andrew Massey (2006), D.S Ranjit Singh (1987), Anwar Sullivan (1981), Ian Black (1984), dan Siti Aidah (2007) adalah kajian yang sangat signifikan dalam melihat bagaimana BNBC (*British North Borneo Company)* cuba untuk mentadbir urus Borneo Utara terutamanya dalam melakukan pelbagai perubahan yang memberi kesan kepada penduduk tempatan itu sendiri. Segala pembaharuan dan perubahan yang dilakukan dalam pelbagai aspek oleh British semasa memerintah Borneo Utara menerusi kajian-kajian tersebut akan dianalisis dan diselaraskan mengikut objektif kajian ini.

Metodologi Kajian

Kaedah kajian yang dijalankan adalah mengikut disiplin sejarah. Kajian ini dilakukan berasaskan kepada kajian kualitatif. Kaedah yang diguna pakai bagi menjalankan penyelidikan ini adalah dengan merujuk kepada sumber primer yang majoritinya didapati dari Arkib Negeri Sabah sebagai sumber dapatan utama kajian. Berdasarkan fail-fail rekod semasa pemerintahan kerajaan British ke atas Borneo Utara menerusi *North Borneo Central Archive* (NBCA), pengkaji akan meneliti sumber yang berasal dari *Colonial Office Record, Official Gazette, British North Borneo Herald* dan *Miscellaneous file.* Laman sesawang '*Hansard*' yang merupakan sebuah capaian yang mengandungi pelbagai dokumen dan minit mesyuarat parlimen British, termasuklah semua isu yang berkaitan dengan penjajahan mereka ke atas Borneo Utara, adalah dikategorikan sebagai sumber primer berbentuk digital yang sangat penting bagi kajian ini. Sumber-sumber primer ini akan dianalisis dan digunakan sebagai bukti yang kukuh untuk melengkapkan dapatan kajian.

Kajian ini akan memerlukan kaedah pembacaan sebagai kaedah yang paling utama melalui pelbagai sumber. Ini termasuklah sumber sekunder seperti buku, kajian, artikel, dan jurnal untuk mendapatkan maklumat. Sumber ini penting dalam melihat sejarah perkembangan sistem pendidikan Borneo Utara itu sendiri sepanjang zaman penjajahan bagi melihat perbandingannya dari pelbagai aspek. Berdasarkan huraian di atas, penyelidikan ini lebih banyak menggunakan kedua-dua sumber primer

dan sekunder disebabkan sumber-sumber ini banyak memberi manfaat kepada kajian terutamanya dalam melengkapi kelompangan yang wujud sama ada dalam sesuatu sumber ataupun penulisan terdahulu.

Penemuan dan Perbincangan

Kewujudan Darwinisme Sosial

Kewujudan Darwinisme Sosial di Eropah pada tahun 1880 adalah berpunca hasil dari teori evolusi yang dipopularkan oleh Charles Robert Darwin menerusi karyanya yang berjudul Origin of Species (1859), mempromosikan konsep ”*struggle for existence*” dan ”*survival of the fittest*”. Teori sosial ini adalah istilah yang digunakan dalam pelbagai disiplin yang umumnya merangkumi biologi, sosiologi, dan euginik kepada ekonomi, falsafah, politik, dan sejarah sosial manusia (Noellet, 2012). Maka, ianya secara umumnya adalah satu proses rekonstruksi fungsi sosial manusia menerusi penerapan teori biologi Darwin beserta prinsip-prinsip evolusi kepada teori sosial manusia. Walaupun asalnya teori evolusi Darwin ini adalah digunakan dalam konteks biologi, namun penyokong kepada teori ini cuba melihat kepentingan penemuan ilmu ini dalam pemikiran sosial iaitu dengan menjadikannya sebagai satu model bagi teori sosial (Rogers, 1972). Disebabkan itu, darwinisme menjadi satu justifikasi biologi kepada para saintis di England dengan menyatakan bahawa penemuan tersebut adalah fakta penting bagi pembinaan dasar dan teori sosial kemanusiaan yang menyokong *laissez-Faire* serta penjajahan yang disiratkan dalam istilah Darwinisme sosial (Paul, 2003). Wujudnya teori ini adalah untuk menyokong usaha-usaha bangsa Eropah dalam melakukan imperialisme bagi memenuhi keperluan ekonomi mereka. Menurut Dickens (2000) istilah Darwinisme sosial telah digunakan untuk merujuk kepada sebarang usaha yang telah dilakukan untuk menerapkan konsep-konsep dari teori evolusi Darwin melalui seleksi alam kepada teori sosial, sistem politik, ekonomi dan juga bidang kemanusiaan.

Disebabkan itu, Darwinisme Sosial menjadi sangat terkenal menerusi ideologi politik Eropah pada awal abad ke-20 yang dipropagandakan sebagai tujuan untuk memperbaiki kehidupan bangsa manusia, menerusi penekanan prinsip seleksi alam yang mewujudkan persaingan sosial sebagai mekanisme utama untuk menjana evolusi sosial. Idea Darwin digunakan sebagai asas dalam mengkaji evolusi sosial manusia bagi mewujudkan *Euginics* (kajian dalam menaiktaraf sistem dan fungsi biologi manusia), imperialisme, ideologi politik ekonomi, meneliti keberkesanan *Welfare Economics* menerusi prinsip evolusi serta pemahaman tentang penyesuaian psikologi dalam meneliti perkembangan pelbagai aspek moral dan politik manusia untuk mengintegrasikan tingkah laku dan evolusi sosial manusia Mogilski, 2016). Disebabkan itu, Darwinisme Sosial telah memperoleh stigma dalam kalangan sarjana dan intelektual, menjelaskan pemahaman mengenai bagaimana teori evolusi Darwin telah mempengaruhi psikologi sosial manusia yang mewujudkan petunjuk mengenai cara mengoptimumkan pelbagai sistem sosial, politik dan ekonomi yang wujud hasil dari perkembangan Darwinisme Sosial.

Oleh itu, menurut Claeys (2000) menyatakan bahawa penerapan gagasan evolusi kepada teori sosial manusia telah membentuk teori Darwinisme Sosial yang disandarkan kepada persaingan sosial antara individu atau kumpulan manusia yang unggul dan tidak layak, dalam masa yang sama juga memiliki kecergasan atau nilai kepada masyarakat yang dapat ditakrifkan melalui beberapa cara. Disebabkan itu, menerusi teori ini hanya individu yang paling unggul atau yang paling berharga kepada masyarakat akan dapat bertahan dalam persaingan yang akan meningkatkan kualiti bangsa manusia. Hujah ini telah membenarkan berlakunya ketidak seimbangan kekuasaan antara individu, kaum dan negara kerana kuasa Barat menganggap bahawa bangsa mereka lebih unggul, adalah lebih sesuai untuk bertahan dan meneruskan kelangsungan hidup berbanding dengan bangsa lain. Hasil dari generalisasi teori ini menyebabkan ramai dari kalangan sarjana percaya bahawa konsep Darwinisme sosial menerangkan rasionalisasi falsafah di sebalik perkauman, imperialisme, dan kapitalisme.

Kuasa Barat menjadikan teori ini sebagai suatu instrumen yang baru bagi menjalankan imperialisme yang diperjuangkan oleh sarjana teori perkauman dan golongan yang memperjuangkan kemajuan ketamadunan manusia. Menerusi konsep *Survival of the Fittest,* persaingan dalam kuasa-kuasa Eropah berlaku menerusi perlumbaan untuk mendapatkan tanah jajahan, yang menghalang penguasaan ke atas

bahan mentah, tanah, dan pasaran yang berpotensi dari saingan mereka. Persaingan ini membuka peluang kepada kuasa Barat bagi menuntut status dan martabat mereka sebagai bangsa yang mempunyai kedudukan tertinggi di antara semua bangsa dan mewujudkan justifikasi yang mempromosikan penaklukan bangsa Eropah ke atas bangsa bukan Eropah yang dilihat sebagai bangsa yang lemah (Nollet, 2012). Fenomena ini menjadikan kuasa Barat sebagai penguasa yang lebih unggul dan mempunyai hak untuk menentukan apa jua dasar pemerintahan ke atas bangsa kolonial yang mereka anggap sebagai rendah dan lemah. Kenyataan ini disokong sendiri oleh ahli politik Perancis iaitu Jules Ferry (1893) yang menyatakan bahawa *"the superior races have rights over the inferior races"*. Darwinisme Sosial bukan sahaja menyemarakkan semangat kuasa Eropah untuk melakukan penjajahan, tetapi ianya juga menjadi satu dogma yang mengekang pemikiran bangsa Eropah bahawa hanya mereka satu-satunya bangsa terpilih yang unggul untuk memerintah bangsa manusia yang lain.

Baron F. D Lugrard (1922) menyokong Darwinisme Sosial bagi kepentingan British sebagai sebuah kuasa Barat yang agung iaitu dengan menyatakan hujah bahawa empayar British mempunyai "*Dual Mandate"* kebergantungan tropikal menerusi tanah jajahan, yang memanggil bangsa mereka untuk membangunkan sumber dan wilayah dalam membangunkan ketamadunan untuk kepentingan ras manusia. Beliau menegaskan bahawa bangsa yang mereka jajah mendapat manfaat hasil daripada kemajuan teknologi yang mereka salurkan dalam pelbagai aspek ekonomi, pembangunan wilayah, menggantikan undang-undang serta pemerintahan tempatan yang mereka anggap sebagai lapuk dan barbarisme, kepada acuan sistem politik dan sosial mereka. Tambahan pula, Cecil Rhodes (1877) seorang ahli perniagaan British melihat Darwinisme Sosial satu bentuk *pseudoscientific veneer* dalam menjelaskan fenomena imperialisme yang menonjolkan keagungan dalam memperjuangkan ketamadunan kepada bangsa bukan Eropah menerusi kenyataan beliau iaitu;

> "*I contend that we British are the first race in the world, and the more of the world we inhabit, the better it is for the human race… It is our duty to seize every opportunity of acquiring more territory and we should keep this one idea steadily before our eyes: that more territory simply means more of the Anglo-Saxon (British) Race, more of the best, the most human, most honourable race the world possesses."* (Rhodes, 1877).

Demikianlah menerusi dapatan ini, penghujahan ke atas imperialisme kuasa Barat tidak hanya boleh dinilai dengan bersandarkan kepada kepentingan politik, ekonomi dan persaingan dalam bentuk keagamaan sahaja. Terdapat banyak lagi faktor pemangkin yang menjadi penjelasan kepada usaha dan tingkah laku yang mereka lakukan menerusi penjajahan dan salah satunya adalah penerimaan mereka terhadap Darwinisme Sosial. Walaupun teori ini masih belum wujud semasa zaman imperialisme kuno, namun prinsip dan nilainya telah dilakukan dan diimplementasikan oleh kuasa-kuasa Barat ke atas wilayah jajahan mereka. Situasi yang paling ketara adalah mereka memaksa bangsa lain untuk menerima ideologi, agama, kebudayaan dan aspek permodenan, sehinggalah Eropah memasuki zaman imperialisme moden. Kewujudan Darwinisme Sosial secara jelasnya telah memacu kuasa Eropah untuk melakukan pembaharuan ke atas *world order* iaitu menerusi prinsip-prinsip yang diperjuangkan oleh teori tersebut maka mereka memikul satu beban dan tanggungjawab untuk mewujudkan satu ketamadunan yang selaras dengan apa yang mereka kecapi disamping menghapuskan nilai-nilai tradisional yang diamalkan oleh bangsa lain, yang mana menerusi perspektif mereka adalah satu punca kepada wujudnya bangsa manusia yang lemah dan tidak sepatutnya bertahan di dunia ini. Maka dalam artikel ini, huraian mengenai bagaimana Darwinisme Sosial mempengaruhi perubahan di Borneo Utara khususnya dalam mentamadunkan penduduk tempatan akan dijelaskan lagi secara lebih terperinci.

Barat, Borneo Utara dan Darwinisme Sosial

Kehadiran kuasa Barat di Borneo Utara sememangnya membawa kepada satu perubahan yang sangat besar dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Disebabkan oleh pembangunan dan kemajuan yang telah dilakukan oleh kuasa Barat ke atas Borneo Utara, situasi tersebut telah menyebabkan berlakunya perubahan dalam pertambahan jumlah penduduk di Borneo Utara yang majoritinya menetap di negeri ini sebelum kedatangan Barat lagi. Justeru artikel ini akan menyentuh secara lebih mendalam mengenai

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 4, Issue 6, (page 114 - 125), 2019

bagaimana kuasa Barat mengubah Borneo Utara menerusi *British North Borneo Company* (BNBC) beserta dengan penjelasan dalam konteks Darwinisme Sosial.

Bagi menentukan bangsa Eropah sebagai ras manusia berkulit putih paling unggul seperti yang dianuti oleh mereka menerusi Darwinisme Sosial, mereka beranggapan bahawa ras manusia sama ada mereka yang berkulit hitam atau berwarna, yang hidup secara primitif, mundur, lemah dan tidak stabil harus dibantu oleh golongan yang sangat berkemampuan, dan adalah menjadi tanggungjawab mereka bagi membimbing golongan tersebut. Namun realitinya, imperialisme kuasa Barat itu berlaku bukan sahaja untuk mencapai matlamat tersebut. Hal ini demikian kerana bangsa Eropah sangat menekankan kepentingan ekonomi menerusi penjajahan dengan menekankan penjajahan itu sebagai '*Imperialism: The highest stage of capitalism'* atau '*Imperialism is the monopoly stage of capitalism'* (Lenin, 2004). Sebaliknya, penjajahan yang berlaku ke atas tanah jajahan terutamanya di Borneo Utara adalah dipengaruhi oleh pembuatan dasar Eropah dalam menguasai bahan mentah dan sumber kekayaan negara lain bagi memenuhi tuntutan revolusi perindustrian disamping memartabatkan status negara mereka masing-masing. Situasi yang berlaku sedikitpun tidak mencerminkan niat utama bangsa Eropah yang mendakwa mereka memikul beban tersebut berdasarkan slogan *"white man burden"*. Namun atas landasan dari Darwinisme Sosial, tindakan kuasa Barat Untuk menjalankan imperialisme hanya untuk kepentingan ekonomi semata-mata akan menjatuhkan status mereka sebagai sebuah kuasa dengan bangsa unggul yang menyebarkan ketamadunan menerusi kenyataan:

> *"The first step toward lightening The White Man's Burden is through teaching the virtues of cleanliness." and Pears' Soap is a potent factor in brightening the dark corners of earth as civilization advances, while amongst the cultured of all nations it holds the highest place – it is the ideal toilet soap"* (Riser, 2001).

Bagi kuasa barat khususnya British, penjajahan adalah bertujuan untuk menjadikan negara pusat mereka kaya, berkuasa dan mempunyai pengaruh yang sangat kuat di seluruh dunia. Tanggungjawab tersebut dijadikan sebagai alasan untuk mereka mengawal dan menguasai sumber ekonomi dan politik negara yang mereka jajah bagi memudahkan proses memonopoli segala hasil serta sumber kekayaan. Namun, disebabkan oleh faktor-faktor luaran seperti tuntutan kerajaan pusat, peranan golongan mubaligh Kristian, perbezaan cara hidup dan pengamalan budaya, teknologi dan infrastruktur yang sangat mundur serta perbezaan dalam keupayaan berfikir dan pengamalan ideologi yang bertentangan, maka kuasa Barat tidak mempunyai pilihan lain selain dari menguasai keseluruhan aspek ekonomi, politik dan sosial bagi mengangkat status dan martabat mereka sebagai sebuah kuasa imperialis yang berkuasa di dunia seperti dalam kenyataan Hansard iaitu:

> *Mr. Onslow: "This Charter would much more probably lead to the granting to North Borneo those glorious institutions which we had been the means of introducing into our Indian Empire; and it was because he believed there was in the future of that country great commercial prosperity, and a wide field for all kinds of civilization under British rule, that he now supported Her Majesty's Government."* (HC, 1882).

Akibatnya, keadaan tersebut telah menyebabkan kuasa Barat lebih berkuasa di wilayah yang mereka jajah menerusi dasar dan polisi yang mereka tetapkan, menjadikan penduduk tempatan dan peribumi sebagai golongan hamba moden yang mereka kerah bagi mencapai matlamat mereka. Maka, matlamat tersebut telah mencemarkan agama, adat, tradisi, kepercayaan, cara hidup dan budaya dengan menjadikan budaya yang mereka amalkan sebagai acuan utama. Mereka seolah-olah muncul membawa keajaiban dengan menyelesaikan masalah yang dilihat sebagai mustahil dari perspektif penduduk tempatan khususnya mengubati penyakit melalui vaksin. Impaknya, fenomena tersebut mengundang kepada berlakunya asimilasi dan akluturasi yang menyebabkan penduduk tempatan dan peribumi kehilangan identiti asal mereka. Kenyataan ini seperti yang dijelaskan oleh Darwin iaitu:

> *We are civilised men, on the other hand, do our utmost to check the process of elimination; we build asylums for the imbecile, the maimed, and the sick; we institute poor-laws; and our medical manexert their utmost skill to save life of*

> *every one to the last moment. There is reason to believe that vaccination has preserve thousand, who from a weak constitution would formerly have succumbed to small-pox. Thus the weak members of civilised society propogate their kind.* (Darwin, 1981).

Pengaplikasian Darwinisme Sosial ke atas sesebuah kawasan atau tanah jajahan yang dilakukan oleh kuasa Barat sememangnya bukan lagi suatu perkara diluar jangkaan. Hal ini demikian kerana setiap kuasa penjajah adalah dipengaruhi oleh prinsip dan elemen yang terkandung dalam Darwinisme Sosial, yakni faktor atau bahagian yang menjadi dasar kepada tindakan mereka dalam melakukan penjajahan ke seluruh dunia. Tindakan mereka yang berasakan kepada prinsip dan elemen tersebut juga merupakan rangka ataupun perancangan yang dijalankan secara tidak langsung, iaitu tidak ada sebarang modul ataupun strategi-strategi yang tertentu dengan mengunakan pendekatan tersebut untuk diimplementasikan secara rasmi ke atas kawasan jajahan mereka. Menurut Stephen Farmers iaitu:

> *"If survival of the fittest over the weakest can be translate to the survival of the superior being over the inferior being, then this is what nazism was about, for example. The same could be said about colonialism where a foreign country moves settlers into another country and exploits the population and resources, then it would be fairly easy to see how the British who moved into the British of the North Borneo in the 1800's could be described as Social Darwinism"* (Farmers, 2017).

Sebaliknya, melalui usaha dan tindakan mereka untuk memenuhi objektif utama, serta mengubah struktur asal kehidupan sesebuah masyarakat yang mereka kuasai sama ada dalam aspek ekonomi, politik dan sosial, penjajahan adalah merupakan tunjang utama dalam melihat sejauhmana pengaplikasian Darwinisme Sosial tersebut adalah sesuatu yang logik dan releven, terutamanya ke atas Borneo Utara yang menjadi subjek utama kepada kajian ini. Disebabkan oleh Borneo Utara lambat untuk mucul menjadi sebuah negeri yang maju dalam pelbagai aspek dan memiliki kemerdekaannya yang tersendiri, perkara ini dilihat adalah berpunca daripada '*incompetence'* penduduk asli/tempatan yang agak sukar untuk melakukan sebarang pembaharuan seperti dalam kenyataan berikut:

> *"It must be obvious that in first setting up an orderly and civilised Government in an undeveloped country, inhabited by pirates and barbarous nomad tribes, the expenditure must be largely in excess of the receipts. Everything has to be formed; highways have to be made; a Civil Service has to be established; police have to be organised; and communications, both internal and external, have to be created."* (HL, 1892).

Hal ini disebabkan oleh kepelbagaian suku kaum yang terdapat di Borneo hanya menumpukan kepada komuniti masyarakat mereka sahaja, serta mereka juga kurang kesedaran dalam memerintah Borneo Utara dari sebarang pengaruh kuasa luar sebelum kedatangan BNBCC. Kenyataan ini adalah seperti yang dinyatakan dalam petikan:

> *"Although BNBC could not rightly described as Terra Nullius in either economic or inhabitant sense, it has been shown that in 1881 it was a stagnant backwater economically, had no effective system of goverment, and was unlikely to remove itself from that position."* (Massey, 2006)

Oleh itu, bangsa Eropah melihat penduduk asli di wilayah ini sebagai sebuah komuniti manusia yang perlu untuk dimajukan dan ditamadunkan. Adalah menjadi suatu tanggungjawab besar kepada mereka untuk memerintah Borneo Utara dan menstrukturkan semula kehidupan masyarakat sosial di dalam negeri ini melalui aspek ekonomi, politik dan sosial. Walaupun wilayah ini sememangnya kaya dengan pelbagai sumber dan bahan mentah, namun objektif bangsa Eropah melalui BNBC tidaklah menjurus kepada pengeksploitasian ekonomi sepenuhnya. Hal ini demikian kerana sebelum kedatangan bangsa Eropah ke Borneo Utara itu sendiri, keadaan di sini jauh berbeza seperti ketamadunan Melayu di Tanah Melayu, Indonesia, Brunei mahupun Sulu kerana kawasan-kawasan tersebut telahpun mempunyai struktur sosial yang teratur dan mempunyai pembahagian pekerjaan yang membawa kepada

keuntungan ekonomi kerajaan mereka. Tidak seperti Borneo Utara, hampir keseluruhan kawasan tersebut hanya diliputi oleh hutan tebal, struktur tradisi masyarakat yang masih dianggap gasar, tidak bertamadun, serta hanya bergantung kepada sistem barter dan pelabuhan pembekal untuk mendapatkan barangan keperluan.

Apabila BNBC memperolehi piagam diraja dari Kerajaan British pada 1 November 1881, Borneo Utara buat pertama kalinya muncul sebagai sebuah wilayah dengan unit politiknya yang tersendiri. BNBC juga telah menubuhkan satu sistem pentadbiran yang telah ditetapkan oleh kerajaan British berdasarkan perkara-perkara yang termaktub dalam piagam Diraja. Dalam masa yang sama, pengurniaan piagam tersebut telah mengehadkan kuasa BNBC untuk memonopoli dan menguasai ekonomi, serta politik Borneo Utara secara keseluruhannya kerana piagam tersebut telah memperuntukkan sedikit perlindungan bagi menjaga kepentingan dan hak-hak penduduk peribumi. Oleh itu, walaupun BNBCC mempunyai kuasa yang penuh ke atas Borneo Utara, namun mereka tidak dapat melakukan sesuatu perkara dengan sewenang-wenangnya kerana mereka hendaklah melaksanakan polisi pembangunan seperti yang telah disarankan oleh kerajaan British iaitu:

> *"The source of revenue, which have been given in every statement of account published since the company was formed, are identical with those of every Crown Colony, and are totaly distinct from those of any ordinary trading, merchantile, or financial undertaking.. you have responsibilities as well as privilages. You enjoy sovereign right over this territory... but, on the other hand the goverment expect you to do your duty in all branches of the administration, especially as regards the native population. If you fail in this respect this is no doubt that your privilages would be cancelled and withdrawn. It is for this reason --- because administration is the chief duty of this company and because on effecient administration depends the prosperity of your territory and consequently the interest on the money which you have invested... North Borneo is an imperial asset"* (Rashid, Raman, Md Saffie, 2014).

Pertimbangan kerajaan British ke atas Borneo Utara adalah cukup baik dalam pelbagai aspek terutamanya dalam menjaga hak penduduk peribumi tanpa arahan daripada kerajaan British untuk membina infrastruktur dan kemudahan asas, tidak mungkin Borneo Utara akan memiliki sistem perhubungan, pengangkutan, jabatan, bandar dan telekomunikasi walaupun selepas merdeka. Pembangunan-pembangunan tersebut adalah hasil dari sumber ekonomi yang telah mereka usahakan ke atas Borneo Utara, dan adalah mustahil untuk mendakwa bahawa BNBC telah memonopoli sumber ekonomi negara ini secara keseluruhannya tanpa melihat kepada usaha mereka untuk memajukan dan membangunkan Borneo Utara.

'White man burden' ataupun secara khususnya adalah tanggungjawab bangsa Eropah yang mendukung ideologi Darwinisme sosial untuk menyebarkan ketamadunan mereka, di samping menghapuskan amalan-amalan kebudayaan atau kepercayaan yang bertentangan dengan fahaman mereka. Dalam aspek ini, kesemua pihak dari kerajaan penjajah yang memerintah ke atas tanah jajahan mereka adalah berkerjasama dalam mencapai matlamat mereka untuk memperkenalkan kebudayaan Barat, serta mengajarkannya kepada penduduk tempatan agar mereka turut mengamalkan kebudayaan dan kepercayaan yang sama seperti acuan Barat. Maka, kedua-dua pandangan yang bersifat positif dan negatif adalah dikemukakan daripada kedua-dua pihak yang berkenaan iaitu penjajah yang menyatakan bahawa tujuan mereka tersebut adalah sesuatu yang baik untuk diamalkan oleh penduduk tempatan, manakala pihak tempatan yang menyatakan bahawa perubahan yang dibawa oleh Barat adalah bertentangan dengan agama atau kepercayaan mereka, serta menjadi punca utama kepada permasalahan sosial.

Campur tangan BNBC ke atas adat dan kebudayaan peribumi adalah dikawal sepenuhnya seperti yang disebutkan dalam klausa 9 menerusi Piagam Diraja, tetapi perkara yang bertentangan dengan pendirian mereka seperti yang ditekankan dalam liberalisme dan hak-hak asasi manusia adalah wajib untuk dibendung dan dihapuskan. Disebabkan oleh itu, amalan sistem perhambaan dan pemerdagangan manusia adalah sesuatu yang bertentangan dengan prinsip mereka. Sebagai contoh, upacara pengorbanan manusia yang diamalkan oleh kaum Dusun menyebabkan mereka memerlukan bekalan

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 4, Issue 6, (page 114 - 125), 2019

hamba yang bertujuan untuk pemenggalan kepala bagi melaksanakan ritual (British North Borneo Herald, 1929). Tradisi tersebut adalah salah satu prinsip yang bertentangan dengan bangsa bertamadun seperti orang Barat. Sama ada penduduk tempatan setuju atau tidak, mereka akan berkeras dalam tindakan mereka agar kegiatan tersebut dihapuskan sepenuhnya. Bagi bangsa Eropah terutamanya British, amalan-amalan gasar ini merupakan sesuatu yang menyentuh sensitiviti mereka disebabkan oleh ia berbentuk penghinaan dan melanggar hak-hak asasi manusia menerusi penyataan *"This was an affront to European sensitivities about the dead and only contributed to the barbaric image the Victorian audience got from Borneo."* (HC Deb, 1890).

Menerusi kenyataan tersebut, sudah jelas bahawa wujudnya kebertanggungjawaban Kerajaan British untuk menjalankan tanggungjawabnya sebagai sebuah kuasa imperialisme yang berpengaruh di dunia. Mereka bukan sahaja mengehadkan kuasa BNBC untuk memonopoli sepenuhnya ekonomi di Borneo Utara, malah telah menggariskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab BNBCC untuk mewujudkan satu sistem pentadbiran di Borneo Utara yang disertai dengan penglibatan masyarakat tempatan dalam institusi pentadbiran tersebut. Malah, kemajuan dalam aspek ke atas Borneo Utara juga adalah merupakan misi penting kepada mereka untuk menjaga nama baik Kerajaan British memandangkan perkara tersebut adalah merupakan antara perjuangan mereka dalam mendidik masyarakat selain dari bangsa Eropah, iaitu untuk menyebarkan ketamadunan.

Tanpa wujudnya pendekatan dengan menggunakan Darwinisme Sosial ke atas Borneo Utara, maka tidak mungkin negeri ini akan mencapai taraf pembangunan dan permodenan seperti yang dikecapi pada hari ini. Malah masyarakat juga masih tidak akan dapat berkembang dan masih hidup dalam lingkungan kehidupan yang kuno disebabkan oleh tidak wujudnya sebarang perubahan yang mampu mengubah mentaliti dan corak pemikiran mereka. Walaupun banyak pihak yang menyifatkan Darwinisme Sosial ini sebagai sesuatu aliran pemikiran yang negatif dan mendatangkan pelbagai keburukan dalam sejarah manusia, namun tidak banyak yang ingin melihat kesan positif hasil daripada kewujudan aliran tersebut. Tindakan kuasa-kuasa barat yang mengunakan darwinisme sosial sebagai instrumen untuk mereka memenuhi kepentingan dan *national interest* sememangnya dilihat sebagai sesuatu yang negatif, tetapi ianya adalah setimpal dengan pembangunan dan pembaharuan yang telah mereka perkenalkan ke atas penduduk di tanah jajahan mereka sehingga mengubah corak kehidupan masyarakat tersebut ke arah yang lebih baik.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini melihat sepenuhnya kepada bagaimana Darwinisme Sosial memberi kesan kepada Borneo Utara semasa zaman penjajahan British. Walaupun teori ini dilihat sebagai satu ideologi dan falsafah yang negatif, yakni bertentangan dengan nilai moral manusia secara amnya, namun kuasa Barat melihat teori ini sebagai satu platform bagi mereka menjalankan imperialisme. Sudah tentu niat utama mereka adalah untuk menguasai kepentingan ekonomi. Namun pada masa yang sama juga teori ini membina satu asas kefahaman kepada bangsa Eropah bahawa mereka sebagai bangsa yang unggul haruslah memikul beban dan tanggungjawab untuk mentamadunkan bangsa mundur selain dari mereka. Dalam konteks Borneo Utara, penjajahan British menerusi BNBC tidak dilihat sebagai satu tindakan exploitasi ekonomi semata-mata, namun atas usaha BNBC memajukan Borneo Utara dalam pelbagai aspek, maka fenomena ini adalah berkait rapat dengan Darwinisme Sosial terutamanya dalam menjelaskan psikologi pemikiran kuasa Barat yang cuba untuk mentamadunkan manusia bersandarkan kepada fungsi mereka sebagai agen utama dalam mengubah corak kehidupan tradisional manusia yang lemah dan tidak sesuai untuk dipraktikkan pada zaman moden. Maka, kajian ini membawa pelbagai kepentingan kepada pembaca khususnya dalam mengenali konsep dan prinsip teori Darwinisme Sosial, dan bagaimana ianya berfungsi menurut *world view* sarjana Barat. Diharapkan akan wujudnya kajian seperti ini pada masa akan datang khususnya dalam meneliti bagaimana Darwinisme Sosial memberi kesan kepada berlakunya ketidak seimbangan status sosial, khususnya rasisme dalam kalangan penduduk di wilayah ini.

Penghargaan

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera. Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, serta selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W. Awal kata, selaku penulis saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana atas limpah dan kurnia-Nya yang mengurniakan usia dan kesihatan kepada saya sehingga kajian ini dapat disiapkan sepenuhnya. Kajian ini tidak akan dapat diselesaikan sekiranya tidak mendapat sebarang bantuan dan tunjuk ajar, serta kerjasama daripada pihak atau individu yang terlibat terutamanya kepada pihak arkib dan jawatankuasa penganjur seminar ini. Terima kasih juga kepada Pusat Penyelidikan dan Inovasi UMS kerana telah memberikan saya peluang untuk melakukan kajian seumpama ini dibawah kod projek GUG0234-1/2018. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih ke atas penyelia kajian saya iaitu Dr. Maureen De Silva yang sentiasa memberi tunjuk ajar, kerjasama, nasihat yang berguna, semangat, serta kesempatan dan peluang kepada saya bagi menyiapkan kajian ini.

Rujukan

Andrew M. (2006). *The Political Economy Of Stagnation British North Borneo Under The Chartered Company 1881-1946.* Sabah: The Sabah State Archive.

Black, Ian. (1984). *A Gambling Style Of Government: The Establishment Of Chartered Company Rule In Sabah 1878-1915.* New York: Oxford University Press.

Bowler, P. J. (1992). Darwinism And Victorian Values: Threat Or Opportunity? In Proceedings Of The British Academy, 78, 129-147, The Queen's University Of Belfast.

British North Borneo Herald (1929)

Claeys, G (2000). The "Survival Of The Fittest" And The Origins Of Social Darwinism. *Journal Of The History Of Ideas,* 61(2), 223-240.

Constitutional Rights Foundation, Bill Of Right In Action. (2003) Social Darwinism And American Laissez-Faire Capitalism. Dalam: Https://Www.Crf-Usa.Org/Bill-Of-Rights-In-Action/Bria-19-2-B-Social-Darwinism-And-American-Laissez-Faire-Capitalism.Html. Diakses Pada 5 Ogos 2019. Page No 1-3.

D.S Ranjit Singh (1987). *The Dynamic Of Indigenous Society,* Sabah: Sabah State Archive.

Darwin, C. (1981). *Descent Of Man, And Selection In Relation To Sex.* United Kingdom: Princeton University Press. (1981) Page No. 160.

Dennis, R. M. (1995). Social Darwinism, Scientific Racism, And The Metaphysics Of Race. The Journal Of Negro Education, 64(3), 243-252.

Farmers, S. (2017). *Australian Acedemic Researcher About The British North Borneo Economic And Financial Administration.*.

Gough, I., Runciman, G., Mace, Ruth, Hodgson, Geoffrey And Rustin, M. (2008). Darwinian Evolutionary Theory And The Social Sciences. Twenty-First Century Society, 3 (1), 65-86.

Halsall, P. (2003) Modern History Sourcebook: Herbert Spencer: Social Darwinism, 1857. Dalam: Https://Sourcebooks.Fordham.Edu/Mod/Spencer-Darwin.Asp. Diakses Pada 4 Ogos 2019. Page No. 1-2

HC Deb (1882). British North Borneo Company (Chapter). – *Resolution*. 17 March 1882

HC Deb (1890). Adjourned Debate. 13 February 1890

HL Deb (1982). *North Borneo.*

Lenin, V.I, *Imperialism The Highest Stage Of Capitalism,* New York: International Publisher, (2004). Page No. 88.

Leonard, T. C. (2009). Origins Of The Myth Of Social Darwinism: The Ambiguous Legacy Of Richard Hofstadter's Social Darwinism In American Thought. Journal Of Economic Behavior & Organization. 71, 37–51 .

Massey, A. (2006). *The Political Economy Of Stagnation: British North Borneo Chartered Company 1881-1946.* Kota Kinabalu: The Sabah State Archives.

Mills, Wallace G. (2003) Racism And Social Darwinism. Dalam: Http://Husky1.Smu.Ca/~Wmills/Course203/8Racism.Html . Diakses Pada 6 Ogos 2019

Mogilski, J. (2016). Social Darwinism. Dalam: 10.1007/978-3-319-16999-6_448-1.Pdf. Entry On Social Darwinism In The Encyclopedia Of Evolutionary Psychological Science. Diakses Pada 5 Ogos 2019. Page No.1

Mogilski, Justin. (2016). Social Darwinism. Dalam: 10.1007/978-3-319-16999-6_448-1.Pdf. Entry On Social Darwinism In The Encyclopedia Of Evolutionary Psychological Science. Diakses Pada 5 Ogos 2019. Page No.1

Nollet, L (2012). Social Darwinism In Thomas Hardy's Jude The Obscure And Tess Of The d'Urbervilles. Ghent University: Faculty Of Arts & Philosophy.

Nollet, L (2012). Social Darwinism In Thomas Hardy's Jude The Obscure And Tess Of The d'Urbervilles. Ghent University: Faculty Of Arts & Philosophy.

Nollet, L (2012). Social Darwinism In Thomas Hardy's Jude The Obscure And Tess Of The d'Urbervilles. Ghent University: Faculty Of Arts & Philosophy, (2012-2013) Page No. 18-19

Ooi, K. (2003). Three-Tiered Social Darwinism In Malaysian Ethnographic History. *Southeast Asian Studies*, 41(2).

Paquette, G. B. (2007). "Social Darwinism." Encyclopedia Of Western Colonialism Since 1450, Edited By Thomas Benjamin, Vol. 3, Macmilan Reference USA, 2007, PP.1044-1046. U.S History In Context. Galegroup.Com/Apps/Doc/CX2587300385/UHIC?U=Leyden&Xid=8940e700 . Diakses Pada 5 Ogos 2019 . Page No. 1-4

Paquette, G. B. (2007). "Social Darwinism." Encyclopedia Of Western Colonialism Since 1450, Edited By Thomas Benjamin, Vol. 3, Macmilan Reference USA, 2007, PP.1044-1046. U.S History In Context. Galegroup.Com/Apps/Doc/CX2587300385/UHIC?U=Leyden&Xid=8940e700 . Diakses Pada 5 Ogos 2019 . Page No. 2

Paul, D. B. (2003) Darwin, Social Darwinism And Eugenics. In J. Hodge & G. Radick (Eds.), The Cambridge Companion To Darwin (Cambridge Companions To Philosophy, Pp. 214-239). Cambridge: Cambridge University Press. (2003). Page No, 224

Paul, D. B. Darwin, Social Darwinism And Eugenics. In J. Hodge & G. Radick (Eds.), The Cambridge Companion To Darwin (Cambridge Companions To Philosophy, Pp. 214-239). Cambridge: Cambridge University Press. (2003). Page No, 224-226

Rashid Mail, Raman Noordin, & MD. Saffie Abdul Rahim (2014). Sejarah Amalan Pengurusan Kewangan Dan Perkembangan Praktik Perakaunan Di Borneo Utara 1881-1963, Malaysia. Penerbit UMS.

Rhodes, C. (1877) "Confession Of Faith" Dalam:Https://Pages.Uoregon.Edu/Kimball/Rhodes-Confession.Htm Diakses Pada 6 Ogos 2019

Riser, R. V. (2001). The Burdens Of Being White: Empire And Disfranchisement." *Alabama Law Review Vol. 53:1: 243, No. 1 (Fall 2001): Pp. 243-272.* United States: University Of Alabama. (2001). Page No. 251

Rogers, J. A (1972). Darwinism And Social Darwinism. *Journal Of The History Of Ideas,* Vol. 33, No. 2 Pp. 265-280 (Apr.-Jun., 1972), Page No 265-266

Rogers, J. A. (1972). Darwinism And Social Darwinism. *Journal Of The History Of Ideas,* 33(2), 265-280.

Siti Aidah Haji Lokin (2007). *Perubahan Sosioekonomi Dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963).* Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Sullivan, Anwar, Leong, Cecilia, (1981). Commemorative History Of Sabah 1881-1981. Kota Kinabalu: Sabah State Government Centenary Publication Committee.

Weikart, R. (1993). The Origins Of Scocial Darwinism In Germany, 1859-1895. *Journal Of The History Of Ideas,* 54(3), 469-488.

Wilson, D. S., Novoa, Adriana., Johnson, Eric Michael., Richards, Robert J., Muir, William., Et, Al., (2016) Truth And Reconciliation. Dalam: Https://Evolutioninstitute.Org/Wpcontent/Uploads2016/11/2socialdarwinism_Publication.Pdf . Diakses Pada 6 Ogos 2019